



KAJIAN KRITIKAN SOSIAL DI DALAM FILEM “ MAN LAKSA ”

Oleh

MUHD AL-KHAWARIZME BIN MOHAMED ZAWAWI


Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian.

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN.**

2021


PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang dirangkumkan di dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan asal dan belum diserahkan untuk darjah tertinggi bagi mana-mana Universiti dan Institusi.




TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera dan boleh didapati dalam bentuk salinan dan dalam talian (teks penuh).



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rasmi Rahsia 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dilakukan)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuatsalinan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan

Nama: MUHD AL-KHAWARIZME BIN
MOHAMED ZAWAWI

Tarikh:

tandatangan penyelia

Nama: EN. HIDAYAT BIN HAMID

Tarikh:

Nota: Jika laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi yang menyatakan masa dan sebab untuk kesulitan dan pembatasan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Sebelum melakukan sesebuah kajian ilmiah, pengkaji hendaklah memahami terlebih dahulu apa yang dikatakan dengan pengertian sesebuah filem sebelum melakukan kajian kes. Dalam penghasilan kajian ini pengenalan bagi satu definisi filem amatlah penting hendaklah diketahui oleh pengkaji kerana ianya merupakan element utama bagi mengetahui sebuah filem. Bagi seseorang dalam penghasilan filem ialah sesebuah filem itu mampu meninggalkan kesan kepada penonton dan supaya penonton mampu memahami apa yang hendak di sampaikan oleh pengarah. Selain itu, filem ini juga didefinisi merupakan satu medium sebagai media komunikasi audio dan visual yang berperanan untuk di sampaikan kepada masyarakat. Konsep kuasa ini dibincangkan melalui elemen naratif dan struktur menggunakan pendekatan dekonstruksi Michel Foucault (1970). Menurut Foucault (Power, 2011) "pengetahuan adalah kuasa" yang membawa kepada analisis aspek filem mengenai kuasa dan pengetahuan yang berkaitan dengan kepentingan nasional dan kelas sosial serta bagaimana kuasa mempengaruhi kehidupan masyarakat Malaysia. Penyalahgunaan kuasa yang mengakibatkan isu sosial dan politik seperti rasuah, masalah pendatang tanpa izin dan kepentingan pendidikan dianalisis melalui unsur naratifnya seperti sudut pandang watak-watak filem. Melalui analisis pada adegan tertentu dalam filem ini adalah bertujuan untuk mengungkap konsep kekuatan yang berbeza yang digambarkan dalam filem tersebut

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan berjuta terima kasih buat semua yang telah terlibat dalam membantu saya untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya yang banyak membantu dalam menyelesaikan projek penyelidikan iaitu Encik Hidayat bin Hamid. Beliau telah banyak memberi tunjuk kepada saya sepanjang projek ini di jalankan.

Selain itu, saya juga menghargai sokongan dan dorongan daripada ibu bapa, para pensyarah dan rakan-rakan yang banyak membantu memudahkan urusan saya untuk menyempurnakan projek ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung tanpa mereka semua saya tidak mampu menyelesaikan projek ini dengan sempurna. Tidak lupa juga kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana telah memberi peluang untuk saya menjalan projek penyelidikan ini

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS	i
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	iv
BAB 1	1
1.0 Pengenalan	1
1.0.1 Latar Belakang Kajian	3
1.1.1 Biografi Pengarah	5
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Kesimpulan	12
BAB 2	14
2.0 Pengenalan	14
2.1 Filem	14
2.2 Filem Dan Sastera	18
2.3 Kajian Terhadap Filem Sebagai Genre Sastera	18
BAB 3	30
3.0 Pengenalan	30
3.1 Kaedah Kualitatif	31
3.2 Instrumen Kajian	32
3.2.1 Pemerhatian	32
3.2.2 Kaedah Perpustakaan	33
3.2.3 Sumber Internet	33
3.2.4 Borang Soal Selidik	33
BAB 4	34
4.0 PENGENALAN	34
4.1 KEPUTUSAN	34
4.1.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden	35
4.1.2 Bahagian A : Sejauhmanakah masyarakat mengetahui kritikan sosial	38
4.1.3 BAHAGIAN B : KESAN KRITIKAN DI DALAM FILEM KEPADA MASYARAKAT	41

4.1.4 KESIMPULAN	48
BAB 5.....	50
5.0 KESIMPULAN.....	50
5.1 CADANGAN.....	50
6.0 Rujukan.....	54



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

1.0 Pengenalan

Filem berbahasa Melayu yang banyak membincangkan mengenai persoalan masyarakat Melayu adalah dikatakan sebagai filem Melayu atau filem Malaysia. Selepas memasukkan filem ke dalam Malaysia, filem telah menjadi satu media yang popular di dalam Negara. Pada tahun 1960, sedikit sebanyak dapat kita lihat bahawa sesebuah filem itu telah berkembang. Maka, terhasilnya satu pembikinan filem ini berasal daripada satu penemuan imej yang bergerak yang di temui oleh seorang jurugambar yang berasal dari British di mana beliau sempat menangkap satu imej kuda yang sedang berlari.

Dalam perkembangan filem di tanah Melayu, filem yang pertama kali diperkenalkan pada era tahun 1898, di mana pada ketika itu penjajah Inggeris yang telah membawa masuk filem ke Tanah Melayu dengan menayangkan sebuah filem dokumentari-berita (newsreel) yang berjudul *Diamond Anniversary Celebration Of Queen Victoria*.

Manakala pada tahun 1907 pula, di Singapura seorang warga Inggeris yang bernama Willis telah datang ke Singapura dan membina sebuah pawagam pertama. Selepas itu pada tahun 1933 filem *Laila Majnun* yang di hasilkan oleh B.S Rajhans di mana beliau merupakan seorang pengarah filem Melayu yang menerbitkan filem dengan '*syarikat Malay Film Production*'. Beliau merupakan seorang pengarah yang berketurunan Punjabi yang dilahirkan di Calcutta, India pada tahun 1905.

Industri perfileman di Malaysia kini telah banyak membuka mata anak muda kerana dunia perfileman ini bukan sekadar kerja yang tidak mampu menanggung kehidupan malah ianya mampu menjadikan satu pekerjaan yang dipandang oleh orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana, industri perfileman di Malaysia kini telah mempunyai ramai pengarah muda daripada generasi baru. Hal ini disebabkan oleh hasil daripada tunjuk ajar pengarah yang sangat berpengalaman dalam industri perfileman telah

melahirkan pengarah baru daripada generasi ini. Dengan lahirnya pengarah muda, ianya sedikit sebanyak dapat membantu dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembaharuan filem pada masa kini yang telah banyak memberi kesan kepada penonton.

Kegemilangan sesebuah filem yang dihasilkan bukan hanya mampu menembusi Nusantara tetapi ianya juga mampu untuk menembusi sehingga ke peringkat antarabangsa (Naim Haji Ahmad, 1995). Dalam usaha untuk memajukan industri perfileman ini, para penggerak industri filem ini tidak seharusnya mengabaikan tanggungjawab mereka. Mereka seharusnya mengatur strategi supaya dapat menarik minat penonton sehingga filem Melayu ini mampu menjadi tarikan penonton tempatan. Besar kemungkinan satu masa nanti lebih ramai warga barat akan membuat penyelidikan terhadap filem-filem Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat tanah Melayu telah terkenal dengan adabnya yang sopan dan adatnya yang unik. Oleh itu, ianya mampu untuk menarik minat orang asing membuat kajian. Tambahan pula, ayat-ayat sastra yang telah digunapakai oleh masyarakat terdahulu mempunyai keunikannya yang tersendiri dan ianya tidak sama dengan budaya negara lain. Hal ini mungkin mampu untuk menjadi sebuah jalan cerita yang menarik yang akan dihasilkan oleh mereka kerana mereka mampu menggabungkan elemen budaya barat dengan budaya Melayu. Jadi, dengan adanya gabungan yang sebegitu mungkin ianya mampu untuk memberikan kesan yang sangat menarik kepada penonton.

Filem genre komedi merupakan filem yang bertujuan untuk membuatkan penonton terhibur dan mempunyai unsur lawak. Komedi juga merupakan satu pertunjukan sandiwara atau lakonan perbuatan berpura-pura atau perlakuan yang dibuat-buat. Tetapi kini genre komedi lebih merujuk kepada aksi dramatik yang berunsur ketawa. Bentuk komedi merujuk kepada situasi yang pelik, bahasa, aksi dan karektor pelakon yang memperlihatkan suasana kehidupan riang ataupun cara melepaskan ketidakpuasan kehidupan. Komedi biasanya mempunyai dua format iaitu komedi secara jenaka atau bersketsa dan komedi situasi iaitu penceritaan yang berbentuk penceritaan

bernaratif. Kedua-dua format komedi ini boleh disatukan bersama dalam filem untuk membentuk genre filem komedi seperti komedi-muzikal, komedi-seram, komedi-romantik dan komedi-remaja.

Dalam filem komedi ini juga ianya mampu dijadikan sebuah filem yang berbentuk kritikan sosial dimana dalam setiap jalan penceritaan yang dibuat oleh seseorang pengarah yang mampu memasukkan unsur kritikan sosial. Di dalam filem yang berunsurkan komedi jika di masukkan kritikan sosial ianya akan memberikan mesej penyampaian yang sangat jelas atau mudah difahami oleh masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap kritikan sosial yang disampaikan kebanyakannya mempunyai unsur yang tersirat atau di sampaikan secara terus kepada penonton.

Terhasilnya kritikan sosial dalam filem ini sedikit sebanyak mampu mengubah budaya masyarakat yang mengamalkan budaya kurang sopan. Budaya yang sering dilakukan oleh masyarakat banyak yang berunsurkan kepada penindasan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan selain mengagungkan orang-orang yang mempunyai pangkat.

1.0.1 Latar Belakang Kajian

Kritikan sosial di dalam sesebuah filem merupakan hal yang sangat penting kerana filem merupakan cerminan terhadap masyarakat dan berkait rapat dengan masyarakat. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk meneliti sesebuah filem, pengkaji yang mempunyai kritikan sosial yang mendalam dalam masyarakat ialah filem *Man Laksa (2006)*. Filem ini merupakan usaha Mamat Khalid yang mengambil pendekatan untuk mengkritik sosial masyarakat di Malaysia yang menghubungkan genre komedi serta merujuk kepada latar sejarah Malaysia yang dijadikan sebagai metafora supaya dapat menggambarkan kepincangan dan kritikan terhadap masyarakat dan institusi yang terlibat.

Kajian ini adalah tentang analisis kritikan sosial yang ada dalam filem *Man Laksa* yang diarah oleh Mamat Khalid. Ianya bersifat sebagai genre komedi dan mempunyai unsur kritikan sosial yang kuat. Pengarah Filem Man Laksa ini merupakan seorang pengarah yang mempunyai minda terbuka kerana beliau mengambil idea untuk menghasilkan filem yang berkait rapat dengan masyarakat. Dalam filem Man Laksa ini kritikan sosial yang disampaikan kepada masyarakat amatlah dekat. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur kritikan sosial yang ada pada setiap babak dalam filem Man Laksa ianya sama seperti kisah yang berlaku dalam kalangan masyarakat kita hari ini. Namun, kebanyakan pengarah filem Melayu tidak berani untuk menghasilkan sebuah filem yang berbentuk komedi dan kritikan sosial ini kerana mereka takut kurang mendapat sambutan daripada penonton. Pengarah Mamat Khalid merupakan seorang pengarah yang mempunyai identiti yang tersendiri dalam menghasilkan sesebuah filem. Pelbagai kritikan sosial yang ditunjukkan di dalam filem Melayu yang telah beliau hasilkan.

Justeru itu, kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis kritikan sosial yang terdapat dalam filem Man Laksa. Filem Man Laksa ini merupakan sebuah cerita yang lebih kepada masyarakat pada sekitar 2006 kerana cerita ini banyak mengkritik sikap masyarakat pada zaman itu. Dalam filem Man Laksa ini Mamat Khalid juga mengkritik sikap kronisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat atau dalam sesuatu pertandingan.

Man Laksa merupakan seorang pemuda yang suka berangan dan mempunyai masalah pertuturan. Beliau mempunyai sifat baik hati dan pemurah. Man Laksa merupakan seorang penjual laksa di kampung Talak. Filem Man Laksa ini yang sepatutnya menjadi sebuah karya komedi namun telah bertukar menjadi sebuah filem yang meleret di mana filem ini memaksa penonton untuk melihat satu persatu persembahan yang diadakan pada malam termasya kutipan derma kampung talak untuk mendirikan sebuah rumah orang kampung yang hangus terbakar pada musim banjir.

1.1.1 Biografi Pengarah

Mohamad bin Mohd Khalid atau lebih dikenali sebagai Mamat Khalid yang lahir pada 6 April 1963 merupakan seorang pengarah filem dan penulis lakon layar di Malaysia. Beliau dikenali dengan penghasilan filem yang bersifat komedi tetapi mempunyai unsur kritikan sosial di dalam setiap filem yang dihasilkannya. Selain itu, beliau juga tidak meninggalkan unsur kenegerian beliau. Mamat Khalid dilahirkan di Ipoh, Perak. Beliau merupakan adik kepada kartunis yang terkenal di Malaysia iaitu Datuk Lat yang banyak mengeluarkan kartun yang dikenali ramai.

Pada awal permulaan pekerjaannya beliau berkhidmat di pejabat kerajaan. Kemudian, beliau menceburi dalam bidang perfileman di mana beliau merupakan seorang kerani kerajaan dan mempunyai seorang isterinya yang hanya seorang suri rumah. Pada awal penglibatan beliau dalam dunia perfileman, beliau mampu menduduki kerusi pengarah pada tahun 2003 menerusi filem yang menjadi bualan hangat peminat iaitu Lang Buana filem ini mendapat sambutan yang luar biasa daripada penonton.

Seterusnya beliau mengarah filem yang bergenre muzikal rock (2005) dan dua filem yang mempunyai kesinambungan iaitu Rock Oo! (2013) dan Rock Bro! (2016). Selain itu, beliau juga banyak mempunyai karya-karya yang terkenal antaranya ialah Man Laksa (2006), Kala Malam Bulan Mengambang (2008) yang berkonsepkan mangga dan buku komik grafik. Filem terbaru arahan Mamat Khalid ialah Hantu Kak Limah 3 yang telah ditayangkan pada Ogos (2018) dimana ianya mempunyai kesinambungan dengan filem Hantu Kak Limah 1 dan 2 yang dihasilkannya sebelum ini. Filem ini mempunyai kejayaan yang tersendiri kerana mampu menarik minat penonton untuk menonton filem Hantu Kak Limah ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dihadapi, kajian terhadap filem Man Laksa akan dilakukan dengan lebih memberi tumpuan kepada kritikan sosial yang

terdapat di dalam dalam filem *Man Laksa* arahan Mamat Khalid ini. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah bagi menjawab satu persatu permasalahan yang berkaitan dengan kajian yang dikaji terhadap kritikan sosial dalam filem ini dan kebanyakan filem tempatan yang dihasilkan jarang diberi perhatian selain daripada pengarah takut kepada halangan untuk menerbitkan filem yang mempunyai unsur kritikan sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap kronisme yang menebal dalam kalangan masyarakat kita pada masa kini.

Selain itu, kajian yang dilakukan ini juga bertujuan untuk memastikan ketepatan (siti athirah Dzulkifly, 2010) dan (Aida Rizmariza Kamaruddin, 2012) bahawa mereka telah mengeluarkan kenyataan hasil daripada kajian mereka bahawa pengarah Mamat Khalid telah berjaya mencetuskan satu lembaran baru dalam dunia seni perfileman melalui seni yang ada padanya. Mamat Khalid juga telah berjaya memaparkan isu sosial yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat kita dimana beliau mengkritik masyarakat melalui filem yang dihasilkan. Kemunculan kritikan sosial dalam filem dapat memaparkan keberkesanan kepada masyarakat malah dapat memberikan pengajaran kepada golongan muda untuk tidak mengekori sosial dalam kalangan masyarakat yang terdahulu.

Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini mampu untuk menyelesaikan semua masalah yang dihadapi iaitu dengan melakukan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem *Man Laksa* dengan menggunakan cara menganalisis kritikan sosial dalam filem *Man Laksa* yang telah mendapat sambutan daripada masyarakat di awal kemunculan filem ini. Filem ini mendapat sambutan yang luar biasa sehingga kini filem ini masih ditayangkan di media sosial bagi mengisi slot ruangan cerita lama.

Justeru itu, pengkaji lebih memilih untuk mengkaji filem Melayu supaya dapat mengisi kelompongan kritikan sosial dalam filem Melayu. Kajian yang dilakukan lebih menumpukan sepenuhnya kepada filem yang dihasilkan oleh Mamat Khalid iaitu filem *Man Laksa* bagi menganalisis kritikan sosial yang telah di hasilkan di dalam filem

tersebut. Menurut (Aida rizmariza,2012) dari segi aspek sosial mempunyai hubungan dan pengaruh yang kuat di dalam realiti kehidupan masyarakat pada masa kini. Kebanyakan filem yang di hasilkan oleh pengarah lain kurang memberi perhatian terhadap aspek sosial.

Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan pengarah tidak berani untuk menghasilkan filem yang berunsurkan kritikan sosial kerana mereka takut akan kurang mendapat sambutan daripada penonton dan mereka juga takut akan dikenakan tindakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Hal ini menyebabkan kebanyakan pengarah lebih memilih filem yang berunsurkan percintaan,kekayaan dan kemewahan yang memaparkan kehidupan yang berangan-angan,mengikut jalan cerita yang dihasilkan sama sekali tidak salah akan tetapi ianya jelas telah menunjukkan bahawa pengarah pada masa kini kurang mempunyai idea menarik selain mereka tidak menitikberatkan masalah sosial dalam kalangan masyarakat pada masa kini.

Namun begitu,tidak dapat dinafikan bahawa ada segelintir pengarah yang berani menghasilkan filem yang menitikberatkan soal masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Namun berbeza dengan Mamat Khalid di awal penghasilan fielm lagi beliau tidak pernah melupakan soal sosial masyarakat sehingga kini beliau masih lagi memberi perhatian terhadap masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat antara filem arahan Mamat Khalid ialah *zombi kampung pisang(2007)*, *Hantu Kak Limah Balik Rumah(2010)*, *filem rock (2005)*, dan filem *Man laksa(2006)*. Filem-filem ini banyak memaparkan masalah realiti masyarakat melayu.

Namun dalam penghasilan filem Mamat Khalid tidak semua orang bersetuju dengan penghasilan filem beliau, namun ada juga pengkritik filem yang bercanggah pendapat dengan filem beliau. Muhammad fadhial-Akiti (2012) mengatakan bahawa belum ada lagi filem Malaysia dapat melawan filem luar bagi beliau kerana roh dan jati diri yang masih lagi kurang dalam sebuah filem keluaran Malaysia. Alasannya filem

negara kita masih lagi meniru dan menggunakan idea negara luar selain mengambil gaya dan kaedah penghasilan filem luar.

1.3 Objektif Kajian

- 1.3.1 Mengenalpasti kritikan sosial dalam filem Man Laksu.
- 1.3.2 Menganalisis keberkesanan penyampaian kritikan sosial yang Terdapat dalam filem Man Laksu kepada penonton.
- 1.3.3 Menghasilkan satu video yang berbentuk infomatif berdasarkan dapatan kajian

1.4 Persoalan Kajian

- 1.4.1 Apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem Man Laksu?
- 1.4.2 Apakah kritikan sosial yang disampaikan dalam filem Man Laksu kepada penonton?
- 1.4.3 Bagaimanakah masyarakat menerima kritikan sosial dalam filem Man Laksu?

1.5 Batasan Kajian

Dalam Batasan kajian, pengkaji akan menghad kajian yang berdasarkan kepada kritikan sosial iaitu bagaimana penyampaian kritikan sosial dalam filem Man Laksu kepada masyarakat sama ada dalam struktur naratif yang boleh menimbulkan kesan psikologi terhadap penonton. Di samping itu, pengkaji juga dapat melakukan kajian psikologi melalui filem kepada masyarakat dengan cara masyarakat menonton kritikan sosial yang ingin di sampaikan dalam filem daripada pandangan mereka sama ada nilai positif atau negatif yang di lihat oleh masyarakat.

Dalam hal ini, terdapat ramai penarah lama atau baru yang berkaliber di Malaysia ini boleh dilihat melalui pelbagai filem yang telah dikeluarkan oleh penarah lama mahupun yang baru dalam kajian yang di lakukan oleh pengkaji ini. Pengkaji lebih memilih penarah Mamat Khalid untuk membuat kajian terhadap filem yang di arahnya

iaitu *Man Laksa*, file ini dipilih untuk dijadikan bahan kajian pengkaji kerana filem yang dihasilkan oleh Mamat Khalid ini telah mendapat pencalonan Festival Filem Malaysia, Anugerah Khas Juri” Award Innovation And Inspiring Film”. Mamat Khalid telah menghasilkan banyak filem yang menarik kebanyakan filem beliau mendapat kutipan yang tinggi dalam setiap tayangan seperti filem Hantu Kak Limah yang mendapat sambutan di luar jangkaan. Namun pengkaji hanya memilih filem *Man Laksa* untuk dikaji.

Seterusnya, untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian ini, data-data dikumpul adalah dengan cara menonton filem *Man Laksa* dan menganalisis apakah kritikan sosial yang terdapat dalam filem ini. Dalam kajian ini di tumpukan dari satu aspek sahaja iaitu dari aspek kritikan sosial yang ada dalam filem tersebut Antara kritikan sosial yang di sampaikan oleh Mamat Khalid dalam filem ini beliau cuba mengkritik sikap sesetengah manusia yang suka mengambil hak orang lain, sikap kronisme, berangan, dan bercakap besar.

Setelah kritikan sosial dikenalpasti, sebelum melakukan kajian yang akan dijalankan ini pengkaji akan membincangkan data yang diproleh dan menganalisis kesemua data tersebut bagi merumuskan setiap kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Man Laksa*. Oleh itu, cara yang digunakan ini dapat dijalankan serta mampu menjadikan kajian ini sebagai kajian yang berkualiti dan bermanfaat kepada semua masyarakat. Kajian ini akan menggunakan pendekatan sosiologi sastera kerana dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera ianya dapat mengukuhkan lagi kajian dan dapat membataskan aspek yang telah dinyatakan supaya dapat menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif kajian. Dengan adanya cara ini dapat memudahkan kajian dan mampu menjadikan satu kajian yang mempunyai kualiti dan juga mampu untuk memberi manfaat kepada masyarakat atau pelajar yang memerlukan pengetahuan tentang kajian ini di samping dapat memudahkan semua pihak untuk meneliti kekurangan yang ada pada sesuatu filem yang telah di hasilkan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah dapat memberikan banyak manfaat kepada masyarakat penerbit filem, ibu bapa dan sebagainya. Kajian ini juga penting untuk memberi satu rumusan tentang kepentingan kajian filem, terutamanya aspek kritikan sosial yang akan memberi banyak manfaat kepada setiap lapisan masyarakat. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat bahawa setiap kajian yang dibuat merupakan pengalaman pengkaji dalam menyelesaikan masalah atau pelbagai isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat serta pandangan atau persepsi sesetengah masyarakat, terutamanya golongan yang tidak ada kaitan dengan industri perfileman namun hanya menjadi pengguna dan penonton. Namun begitu, masyarakat harus sedar dan yakin dengan kajian supaya dapat meneruskan usaha untuk memupuk bakat pelapis dalam industri perfileman ini tidak kira dalam pelbagai aspek kreatif atau pengurusan. Kesannya, dengan adanya kajian sebegini, ianya mampu untuk membuka mata masyarakat bahawa industri perfileman ini juga merupakan sebuah industri yang penting kerana melalui filem yang ditayangkan banyak memaparkan kritikan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

Kepentingan kajian tentang kritikan sosial ini juga banyak memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), masyarakat, penerbit filem, pihak sekolah, ibu bapa, penyelidik dan pelajar. Kajian ini penting bagi menghasilkan satu rumusan tentang kepentingan kajian yang lebih memberi perhatian kepada aspek kritikan sosial yang boleh memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Melalui kajian yang dijalankan ini mampu membantu pihak atasan seperti pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Selain dapat membantu agensi yang menguruskan pembangunan industri filem nasional dan secara tidak langsung dapat memudahkan pelajar mahupun pihak yang berwajib untuk mencari maklumat yang terperinci di samping dapat memperkasakan institusi perfileman Malaysia di mata dunia.

Seterusnya, kajian ini amatlah penting kepada pihak sekolah kerana pihak sekolah merupakan pihak yang perlu memainkan peranan penting dalam memberikan pendidikan kepada golongan pelajar. Industri filem ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi minda pelajar kerana kebanyakan pihak sekolah tidak sedar akan hal ini. Kebanyakan filem yang diterbitkan bukan sekadar filem hiburan semata-mata malah banyak filem yang menyampaikan mesej atau pengajaran yang bermanfaat kepada penonton. Oleh hal yang demikian, pihak sekolah seharusnya memberi kesedaran kepada pelajar akan masalah yang di hadapi ini. Di samping itu, pihak sekolah perlu mengambil kajian ini dan menjadikannya sebagai rujukan supaya dapat mengetahui dengan lebih jelas lagi tentang permasalahan yang terdapat didalam filem . Kajian yang di lakukan ini juga mampu membantu IPTA dan IPTS supaya dapat memudahkan pelajar untuk mencari kajian yang lepas tentang filem selain dapat memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mendapatkan Pendidikan formal dalam bidang perfileman di samping dapat menjadi pelapis kepada golongan lama untuk menghasilkan filem yang lebih bermoral dan mempunyai nilai kritikan sosial yang lebih banyak di dalam filem melalui idea-idea yang baru dari golongan yang baru dengan adanya golongan baru ini dapat meningkat kualiti filem melayu supaya dapat menandingi filem-filem antarabangsa.

Selain itu, kajian yang dilakukan ini juga penting untuk golongan ibu bapa supaya dapat memastikan anak-anak sedar akan pelbagai isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Kebanyakan anak-anak tidak mengambil berat tentang isu yang di hadapi ini. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting bagi membendung masalah sosial yang telah di paparkan didalam filem seharusnya diambil pengajaran oleh ibu bapa supaya anak-anak tidak terjebak dengan masalah sosial yang semakin berleluasa. Ibu bapa bertanggungjawab untuk melindungi anak-anak mereka supaya tidak terjebak dengan masalah sosial yang negatif yang mampu memusnahkan masa depan anak-anak ,

dengan adanya kajian yang di lakukan ini dapat membantu ibu bapa bagi memastikan masalah sosial dalam kalangan masyarakat dapat di bendung.

Dalam kajian yang di jalankan oleh pengkaji ini juga dapat membantu para pengarah dan penerbit filem untuk mengetahui kelebihan dan kelemahan filem yang sedia ada. Hal ini dapat memberikan satu kelebihan buat pengarah dan penerbit supaya memperbaharui filem baru dengan merujuk terhadap kajian yang telah di lakukan ini. Dengan ini para penerbit dan pengarah filem dapat memperbaiki kekurangan yang ada di dalam filem melayu. Pihak penerbit filem dapat menukarkan kepada kaedah dan cara yang baru supaya bidang dapat di perluaskan lagi secara tidak langsung dapat memperbaiki industri filem dan mampu menjadikan industri filem Malaysia sebuah industri filem yang di pandang tinggi oleh dunia. Selain itu, dengan adanya pembaharuan sesebuah filem berdasarkan kajian ini dapat menghasilkan sesebuah filem yang bermutu tinggi dan berkualiti.


1.7 Kesimpulan

Berdasarkan kajian terhadap kritikan sosial dalam filem ini telah menunjukkan sikap masyarakat yang benar-benar terjadi pada dunia sebenar atau realiti yang dipaparkan oleh Mamat Khalid. Kajian ini bermanfaat kepada semua pihak terutamanya golongan masyarakat yang berminat dalam bidang perfileman. Kajian ini juga mampu memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat bahawa filem Melayu yang dihasilkan adalah sangat berkualiti apabila ia banyak memaparkan tentang permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang turut membuat kajian terhadap filem atau tentang kritikan sosial dalam kalangan masyarakat. Penyelidikan ini juga, dijadikan sebagai salah satu usaha atau idea pengkaji untuk menjadikan industri perfileman ini sebagai industri reputasi tinggi dan bersifat positif terhadap industri filem Malaysia. Di samping itu, gandingan semua pihak termasuk penyelidik, penggiat, pelabur , penonton dan sebagainya mampu membina industri filem sebagai sebuah


industri yang kondusif dan kompetitif, sekali gus memperkukuhkan industri filem dalam
meraikan peradaban abad ke-21.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 2

TINJAUAN LITERATURE

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa kajian yang terdahulu yang telah dilakukan berkaitan dengan masalah sosial yang ingin disampaikan dalam filem dan takrifan filem yang dikaji. Semua yang berkaitan dengan penjelasan dan makna konsep akan didefinisikan dalam bab ini. Seterusnya di dalam bab ini pengkaji melakukan kajian berdasarkan data sekunder yang ilmiah untuk melakukan kajian melalui rujukan di dalam bahan-bahan yang ada di perpustakaan seperti buku-buku berkaitan dan jurnal yang telah di oleh orang yang terdahulu.

2.1 Filem

Menurut Rudolf Arnheim (1957), di mana lukisan, muzik, kesusteraan dan tarian adalah merupakan salah satu hasil daripada representasi pada akhirnya yang akan menghasilkan sebuah hasil artistik yang menarik. Namun begitu, tidak semua sarjana sependapat dengan pernyataan tersebut hal ini kerana sarjana lain mempercayai bahawa "seni" itu adalah lukisan yang terhasil daripada seseorang individu yang melahirkan seni melalui pandangan dan pemikiran seseorang itu, walhal filem hanyalah sebagai representasi realiti yang di hasilkan secara mekanik. Namun dalam hal ini pengkaji menegaskan sekerasnya di mana "filem merupakan seni" hal ini kerana file mini di hasilkan daripada idea pemikiran seseorang penulis skrip yang melahir satu jalan cerita yang menarik membolehkan sebuah cerita mempunyai makna jalan cerita yang jelas untuk di sampaikan kepada penonton dan di diterjemahkan oleh pandangan seorang pengarah mengikut seni yang ada di dalam diri seseorang dengan cara yang tersendiri di mana mampu menghasilkan sebuah filem yang boleh di ketogori sebagai seni.

Filem di hasilkan menggunakan kamera dan mengaplikasikan segala teknik-teknik senematografi yang terhasil daripada dua gabungan idea antara pengarah dan *cinematographer*. Menurut (Anisah Sarji, 1996) bunyi, bentuk dialog dan visual di zahirkan melalui imej yang bergerak. Terhasilnya pelbagai teknik ini dapat digabungkan maka akan terhasillah sebuah imej yang bergerak atau lebih dikenali sebagai filem yang mampu membawa mesej yang di hadapi oleh masyarakat di samping dapat menyampaikan nilai moral yang lebih mendalam melalui sebuah filem itu. Pada zaman dahulu tiket yang berharga 25 sen ditayangkan di satu tempat ruangan yang luas namun kini filem mengikut perubahan zaman melalui kemodenan filem di tayangkan melalui televisyen dan pengun wayang (Siti Fatimah Awang, 2016)

Menurut (Hassan Mutalib, 2013), penglipur lara yang menjadi medium utama untuk hiburan masyarakat terdahulu sebelum kemunculan filem di Tanah Melayu. Setiap ketua kampung akan menganjurkan persembahan ini, persembahan ini akan di ketuai oleh penglipur lara yang menyampaikan jalan cerita yang menarik melalui emosi dan teknik yang mampu memberi kesan kepada masyarakat yang menonton penglipur lara. Penglipur lara berasal daripada utara semenanjung yang bergerak aktif di kedah dan perlis. Pada mulanya penglipur lara yang hanya bergerak aktif di Tanah Melayu sahaja pada awal kemunculannya akan tetapi penglipur lara semakin aktif menyerap masuk ke selatan Thailand. Selepas kemunculan "tok selampit" terlahir pula "awang batile" di mana terdapat segelintir dalam kalangan masyarakat yang memanggil "awang belanga". Selepas itu, wayang penglipur lara di Tanah Melayu semakin berkembang setelah kewujudan bangsal dan ruang terbuka untuk melakukan persembahan penglipur lara. Selain itu, terdapat juga persembahan yang baru ditemui menjadi persembahan yang mendapat sambutan kepada masyarakat seperti Mak Yong, Wayang Kulit dan Bangsawan.

(Hassan Mutalib, 2013), mengatakan filem mempunyai hubungkait di antara pengaruh bangsawan dan sejarah awal kemunculan filem di Tanah Melayu yang

memberi kesan kepada industri perfileman melayu. Kebanyakan pelakon di dalam filem Melayu terdiri daripada pelakon yang mempunyai latar belakang yang pernah menjadi penglipur lara dan berasal dari bidang persembahan bangsawan. Menurut Jins Samsuddin dalam bukunya yang bertajuk Filem Melayu Citra Budaya dan Rakaman Sejarah (2014), pada pertunjukkan teater bangsawan bermulanya sejarah filem melayu dari situla tunjang utama yang terhasilnya filem melayu. Penguasaan Syarikat Hindia Timur dan Perjanjian India-Belanda yang menyebabkan kemunculan sejarah awal kemunculan teater bangsawan di Tanah Melayu. Di era tersebut British telah banyak membawa masuk budaya luar negara ke Pulau Pinang seperti Boria dan Ronggeng.

Pada era penjajahan Jepun di Tanah Melayu, Jepun telah melancarkan propaganda mereka malah jepun telah mengharamkan segala aktiviti yang berkaitan dengan Melayu, mereka hanya membenarkan cerita yang mempunyai propaganda mereka sahaja boleh di tayangkan. Menurut (Rahmah, 1975), faktor kemerosotan kewangan menjadi salah satu punca berlakunya kemerosotan aktiviti persembahan bangsawan. Pada perang dunia kedua, aktiviti bangsawan mengalami penderitaan sehinggakan persembahan bangsawan tidak di jalankan hal ini kerana tidak lagi mendapat sokongan daripada rakyat Tanah Melayu. Seterusnya, kemunculan era baru bangsa bukan Melayu telah menghasilkan beberapa filem yang di arahkan oleh mereka. Laila Majnum merupakan filem melayu pertama yang diterbitkan di singapura, hal ini kerana pada ketika itu singapura masih lagi dibawah jajahan Tanah Melayu. (Hassan Mutalib, 2013) merupakan seorang pengarah yang berasal daripada india yang mempunyai idea yang menarik beliau telah mengarahkan filem Laila Majnum. Filem hasil arahan Tan Sri P. Ramlee seperti Penarik Becha, Semerah Padi dan Pendekar Bujang Lapok menjadi antara filem yang menjadi pengaruh bangsawan (Hassan Mutalib, 2013).

Sekitar tahun 1980, karya filem era lepas tidak banyak perbezaan dengan karya filem era kini. Filem Ranjau Sepanjang Jalan merupakan arahan Jamil Sulong merupakan salah satu yang terkenal pada era ini. Filem ini hasil daripada penulisan

novel Shahnnon Ahmad yang di adaptasi menjadi sebuah filem yang mempunyai jalan cerita yang menarik sehingga mampu menarik minat penonton untuk menonton filem tersebut. Namun setelah beberapa tahun penghasilan filem ini Shahnnon Ahmad tidak berpuas hati akan penghasilan dan jalan cerita yang di hasilkan oleh Jamil Sulong ini beliau telah mengkritik Jamil Sulong seolah-olah tidak memahami watak dan perwatakan yang di tulis di dalam novel tersebut.

Pada era 1990 telah berlaku di dalam corak penghasilan filem di Tanah Melayu corak filem pada era ini yang lebih tertumpu kepada melodrama dan komedi. Di era ini ramai kehadiran pengarah baru yang banyak menerbitkan filem yang bergenre komedi dan melodrama. Pengarah baru seperti Hatta Azad Khan di mana beliau telah menerbitkan filem *mat som* di mana filem tersebut di inspirasikan daripada komik Dato' Lat. Kemudian filem *XX-Ray* yang merupakan filem yang terkenal yang di arahkan oleh Aziz M. Osman di mana filem itu yang bergenre sains fiksi. Filem ini telah menerima anugerah Kesan Visual Terbaik pada tahun 1994 oleh Filem Festival Malaysia, ini kerana telah menggunakan kesan visual dengan baik untuk di sampaikan kepada penonton.

Di era tahun 2000, filem *Aku Kaya* telah terjual sebanyak 10,000 unit hal ini membuktikan penjualan CD mendapat sambutan yang memberangsangkan di era tahun 2000. Pada era ini filem *Lang Buana* telah di terbitkan oleh Mamat Khalid di mana filem ini merupakan filem pertama beliau. Manakala pada tahun ini juga David Teo telah mendapat kredit setelah filem *syukur 21* telah berjaya memecah panggung. Sekitar era tahun 2004, filem *Sepet* yang di hasilkan oleh Yasmin telah menjadi filem kedua yang di tayangkan di Singapura selepas tayangan filem *Dari Jemapoh Ke Menchestee*. Festival Filem Malaysia ke-18 telah menanugerahkan *best film* dan *Best Asian Feature* dianugerahkan filem antarabangsa Tokyo ke-18 dan terdapat banyak lagi anugerah lain.

2.2 Filem Dan Sastera

Fadhil Al-Akiti (2014), telah mengeluarkan artikel yang bertajuk filem sebagai jambatan merakyatkan karya sastera beliau menyatakan bahawa filem dan sastera tidak dapat di pisahkan. Hal ini kerana, filem dan sastera ini mempunyai entiti yang sama di mana ianya perlu diletakkan di bawah satu rumpun yang sama, ini kerana filem dan sastera memerlukan di antara satu sama lain. Jika kita lihat situasi di dalam industri filem tempatan sastera dilihat dilihat terasing dengan filem sedangkan di antara kedua bidang ini mempunyai kesamaan antara satu sama lain. Bidang filem seakan tidak mahu bergabung dengan sastera, bidang filem di lahat seakan mahu berjalan bersendirian walhal di dalam bidang filem sastera juga banyak membantu dalam menghasilkan sebuah jalan penceritaan yang menarik. Oleh hal yang demikian, pada 1977 satu kajian yang telah dilakukan oleh seorang pakar iaitu John Harrington (1977), telah mengeluarkan kenyataan bahawa skrip filem yang di hasilkan itu merupakan sebuah kesusasteraan moden. Hal ini kerana, sesebuah penulisan filem merupakan satu kesusteraan di mana ianya terdiri daripada dialog, intonasi yang digunakan dan jenis bahasa yang digunapakai. Seterusnya, pelakon yang bertindak melakukan kerja untuk menyampaikan makna yang ingin di sampaikan oleh penulis skrip kepada penonton.

2.3 Kajian Terhadap Filem Sebagai Genre Sastera

Medium pengantarnya dalam bahasa melalui sastera di mana ia tergolong di dalam satu bidang seni kreatif. Dalam mengetengahkan segalan idea yang ada di dalam pemikiran pengarang melalui pemindahan sama ada lisan atau bertulis yang bertanggungjawab dalam hal ini adalah bahasa. Terlahirnya sastera daripada ketelitian dan penjiwaan perasaan penulis yang di dikeluarkan melalui penulisan ,emosi, cita rasa dan gambaran betapa kehalusan sastera yang ingin di sampaikan kepada masyarakat. Oleh itu, dalam mengangkat kehalusan dan keindahan bahasa sastera perlu diekplotasi secara yang lebih mendalam supaya dapat menjumpai keindahan yang ada di dalam

bahasa sastera. Terbentuknya sesuatu tamadun dan peradaban sesuatu masyarakat hasil daripada terlahirnya sastera yang menjadikan seni sebagai punca tamadun dan peradaban ini muncul (Arba'ie sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman, 2010: 1-3). Karya-karya lisan atau tulisan yang membawa unsur-unsur cereka yang disampaikan melalui penulisan yang berbentuk cerita dengan menggunakan istilah kesusteraan supaya dapat membezakan karya seni berdasarkan bahasa daripada bidang pengetahuan yang lain (Muhammad Haji Salleh, 1995:6).

2.4 Filem Merupakan Senjata Propaganda

Filem yang berbentuk visual yang dijadikan sebuah karya yang mempunyai interaksi antara watak. Filem juga mempunyai cara penyampaian yang tersendiri di mana ianya mengandungi dialog dan emosi untuk menyampaikan jalan cerita kepada penonton agar penonton dapat *memahami* jalan cerita yang ingin disampaikan. Filem merupakan medium yang paling sesuai untuk menyampaikan moral dan kritikan kepada masyarakat ini kerana filem merupakan satu medium yang paling erat dengan masyarakat. Melalui filem juga ianya dapat merangsang minda masyarakat supaya dapat berfikir lebih progresif tentang masalah social yang berlaku di dalam kalangan masyarakat. Dalam dunia politik filem di jadikan satu propaganda politik untuk menjatuhkan sesuatu parti hal ini bukanlah perkara yang asing dalam industri filem Malaysia.

Menurut Hassan Mutalib (2013), terdapat satu penulisan di dalam buku *Malaysian Cinema In A Bottle* Abu Nawas di jadikan filem pertama yang diterbitkan di era tahun 1954 oleh *Malaysian Film Unit* di Kuala Lumpur yang kini lebih dikenali Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Filem ini lebih kepada filem berperangan di mana menceritakan tentang pengganas yang menculik orang Melayu bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan peta yang telah hilang oleh salah seorang ahli mereka. Walaubagaimanapun, filem yang di dihasilkan ini tidak dapat di tayangkan di pawagam hal ini kerana hanya bangsa cina sahaja yang telah digambarkan

sebagai penganas komunis. Di samping itu, MFU telah menerbitkan satu filem di mana mereka menfokuskan kepada tiga etnik utama yang ada di Malaysia iaitu Melayu, India dan Cina. Filem ini mempunyai hubungkait dengan polisi yang telah diletakkan oleh pihak British di mana dalam bidang pertanian di letakkan Melayu, manakala India pula di letakkan di dalam ladang getah dan cina di jadikan sebagai usahawan. Dalam pada itu, jelas dapat di lihat di mana filem merupakan medium yang paling kuat untuk mengintreptasi sesuatu propaganda kepada masyarakat.

2.5 Filem Sebagai Medium Menyampaikan Maklumat

Di dalam filem terdapat pelbagai kelebihan yang dapat di gunakan seperti menjadi senjata propaganda selain itu juga filem mampu di jadikan sebagai satu penyampaian maklumat kepada masyarakat. Filem juga mampu menyampaikan krtikan social melalui dakwah di setiap filem mampu memberikan dakwah yang bermoral. Filem Indonesia merupakan salah satu industri filem yang banyak menghasilkan filem yang bergenre dakawah di samping dapat memberi maklumat dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang agama yang sering di salah tafsirkan oleh masyarakat. Filem yang berunsur dakwah di Indonesia sering mendapat sambutan daripada penonton malah penonton dari Malaysia juga menyambut baik filem islamik dari Indonesia.

Menurut Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sarkani (2015), filem *ayat-ayat cinta* (2008) yang di terbitkan melalui novel karya Habiburrahman yang berlandaskan islamik antara filem islamik yang telah mendapat *box office*. Selain itu, kemunculan filem islamik seterusnya yang telah mencetuskan fenomena di Indonesia kisah filem yang telah di adaptasikan melalui penulisan novel itu telah mendapat sambutan yang luar biasa di Indonesia.

Di dalam industri filem barat juga para penggiat filem mereka telah mengangkat elemen ketuhanan, penonjolan agama Kristian dan adat budaya di dalam setiap karya

yang di hasilakan oleh mereka. Setiap pengkarya mereka dalam menghasilkan karya akan memasukkan elemen ketuhanan dan adat budaya yang jauh bercanggah dengan agama islam. Menurut Jeniri Anuar (2014), kemunculan genre yang sebegini mampu memenuhi tuntutan khalayak yang mencari erti kehidupan yang sebenar dari aspek kerohanian dan ketuhanan. Anantara filem yang telah mencapai tahap *box office* iaitu filem *The Passion Of The Christ* (2014).

2.7 Kritikan Sosial

Kritikan sosial merupakan salah satu sindiran atau satu tanggapan yang hendak di tujukkan pada sesuatu hal yang terjadi di dalam kalangan masyarakat kita satu konfrontasi yang berbentuk kepincangan atau keburukkan. Manakala kritikan sosial ini di angkat di saat kehidupan masnusia tidak lagi harmoni akibat dripada pelbagai masalah sosial yang di hadapi lebih menjurus kepada masyarakat. Tambahan pula kritikan sosial ini mampu di sampaikan melalui pelbagai cara dengan cara dan idea yang tersendiri oleh seseorang itu antara cara yang boleh di samapaikan melalui secara langsung atau secara tidak langsung. Melalui media kritikan sosial dapat di sampaikan dengan cara tidak langsung. Sebagai contoh, kritikan sosial yang beragam jenis mampu di sampaikan melalui media, dengan adanya karya sastera mampu menyampaikan kritikan sosial melalui puisi yang di karyakan. Manakala kritikan sosial yang di lakukan secara tidak langsung pula dengan hanya memberi isyarat atau menunjuk rsa atau lain-lain. Menurut Herman (1987), di dalam karya sastera kritikan sosial ini dijadikan sebuah tema yang memberi makna ada berlakunya ketidak adilan dalam kalangan masyarakat dengan harapan dapat membuka minda pembaca dan pihak atasan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya supaya keadilan sosial dapat ditegakkan dan diperjuangkan oleh masyarakat.

Selain itu, kritikan sosial ini merupakan salah satu percanggahan yang berlaku di dalam hal-hal yang dianggap sebagai aturan atau susila yang sudah sebat di dalam diri masyarakat. W.S Redra (2001) telah mengeluarkan kenyataan di mana mana setiap

seorang penyair mempunyai tanggungjawab dalam mengkritik semua tindakan salah yang di lakukan oleh masyarakat , tidak kira dari segi spiritual mahupun fizikal dengan adanya kritikan yang sebegini dapat memberikan kesedaran terhadap seseorang masyarakat. Sindiran ini mampu memberikan sesuatu pemahaman kepada seseorang manusia di mana sindiran itu ditujukan kepada dirinya, ini bermaksud kritikan sosial melibatkan akal supaya dapat melakukan perhitungan dan kajian data yang mempunyai hubungkait di antara sasaran kritikan sosial. Dalam kalangan masyarakat mahupun individu bagi mereka kritikan sosial ini sebagai perkata yang normal kerana ianya mempunyai sifat yang sedia ada dalam kalangan masyarakat.

Kritikan sosial ini juga boleh di jadikan sebagai satu komunikasi yang ianya berfungsi untuk mengawal masalah kehidupan yang bermasyarakat ini. Kritikan sosial sebenarnya terdiri dua frasa kata iaitu “kritik” atau “sosial”. “kritik” mempunyai maksud yang tersendiri seperti penilaian, ulasan dan analisis kepada sesuatu perkara yang bermasalah. Sosial pula bermaksud kehidupan yang mempunyai kaitan dengan masyarakat di mana melakukan pergualan yang baik. Penilaian, perbandingan dan pengungkapan ini merupakan tiga perkara yang perlu di ambil kira di dalam kritikan sosial. Aspek-aspek ini mempunyai kebergantungan antara satu sama lain dengan nilai-nilai yang ada yang mampu di jadikan padoman hidup dalam kalangan masyarakat.

Pada tahun akhir 1980 telah muncul seorang pengkarya iaitu Zulkifli Yusoff beliau telah menghasilkan pelbagai karya di dalam pelbagai bentuk seperti lukisan, cetakan, catan, arca, instalasi dan media campuran beliau juga telah memberi satu tamparan yang hebat di dalam industri seni Malaysia. Zulkifli telah mendapat satu gelaran yang dapat menggambarkan kedudukannya sebagai “*supernova-in-orbit-somewhere*” beliau mendapat gelaran tersebut daripada salah seorang penulis SERUM yang penting iaitu Ooi Kok Chuen (2008). Beliau telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa sebagai artis kontemporari.

2.8 Kritikan Sosial Dalam Filem

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini merupakan kajian yang berkaitan dengan kritikan sosial didalam sebuah filem iaitu filem *Man Laksa*. Setelah apa yang telah di bincang di dalam bab 1, kritikan ini merupakan satu ulasan sesebuah karya yang daripada buku, filem, dan hasil seni yang banyak membincangkan tentang kebaikan serta kelemahan yang ada di dalam sesebuah karya tersebut (Pusat Rujukan Persatuan Melayu, 2017). Menurut Gregorius Brahmasto Putro¹, Aznar Zacky & Heru Dwi Waluyanto (2014), telah mengeluarkan kenyataan bahawa kritikan merupakan satu bentuk nasihat dan pesanan dengan menggunakan bahasa yang sinis atau kata-kata yang boleh memberi kesan kepada seseorang terhadap satu situasi yang sedang berlaku. Manakala kritikan sosial adalah satu bentuk komunikasi masyarakat supaya dapat menentukan sistem sosial masyarakat (Naila Mufidah, 2014). Namun begitu, kritikan sosial ini tidak terhad kepada ruangan kesusteraan sahaja, malah kritikan sosial ini mampu melangkaui segalanya antaranya kritikan sosial ini mampu diaplikasikan terhadap kajian tentang lirik lagu, animasi dan runut bunyi.

Seperti di dalam kajian kritikan social yang telah dilakukan pengkaji Gregorius Brahmasto Putro¹, Aznar Zacky & Heru Dwi Waluyanto (2014), mereka telah melakukan satu kajian terhadap sebuah lagu yang mempunyai unsur kritikan terhadap suasana politik yang di hadapi di Indonesia. Mereka telah meneliti dengan jelas setiap tutur kata lirik yang di sampaikan oleh penyanyi lagu tersebut menurut pemerhatian mereka terhadap lagu, lagu tersebut mempunyai unsur kritikan yang secara terang-terangan terhadap ahli politik serta masyarakat yang terlalu taksud akan ahli politik di Indonesia. Antara lagu yang telah di hasil iaitu "Surat untuk wakil rakyat" yang dinyanyikan oleh Iwan Fals. Di dalam setiap bait-bait lirik lagu ini terdiri daripada lirik sinis dan satira seperti "Suara kami tolonglah dengar lalu sampaikan, jangan ragu jangan takut karang menghalang , bicaralah yang lantang jangan hanya diam, wakil rakyat seharusnya merakyat, jangan tidur waktu siding soal rakyat". Selain kumpulan Iwan Falsa da juga kumpulan lain yang mengkritik seperti kumpulan slank yang telah mengkritik sikap

masyarakat di dalam lagu yang di cipta oleh mereka “Hanya orang bodoh yang membuang sampah ke dalam sungai, hanya orang bego yang membuang kotoran ke dalam sungai”. Oleh hal yang demikian, para pengkaji telah menyimpulkan bahawa lagu yang di cipta ini hanya untuk mengkritik ahli politik yang telah menyebabkan keadaan politik yang semakin parah di negara itu di samping mengkritik sikap masyarakat yang di Indonesia yang tidak pernah menghargai alam sekitar dengan membuang sampah ke dalam sungai.

Di dalam banyak-banyak bidang yang di kaitkan dengan kritikan sosial bidang filem yang lazimnya sentiasa dikaitkan dengan kritikan sosial terhadap masyarakat. Galuh Candra Wisesa (2015), telah melakukan kajian tentang kritikan sosial masyarakat urban menerusi sebuah filem “ Jakarta Maghrib “. Filem ini menceritakan tentang kehidupan dan cara hidup masyarakat urban yang hidup di kotaraya Jakarta. Secara kesimpulannya, di dalam filem ini pengkaji menemukan empat kritikan sosial yang jelas iaitu (1) kelas masyarakat, (2) agama, (3) individualistic (4) modernisme. Antara kritikan yang jelas nampak di mana masyarakat yang berada di kelas menengah perlu melakukan kerja lebih masa hal ini menyebabkan mereka kekurangan masa bersama keluarga, manakala masyarakat yang berada di kelas atasan tidak perlu bekerja lebih masa untuk menampung kehidupan mereka disebabkan oleh itu masyarakat yang berada di kelas atas ini mempunyai lebih masa Bersama keluarga mereka.

Selain itu, dalam masyarakat urban di Jakarta telah di kaji oleh pengkaji bahawa masyarakat urban ini kurang mendapat kesedaran untuk beribadah, golongan masyarakat urban ini tidak mementing malah memandang enteng tentang hal yang berkaitan dengan Agama. Di dalam kajian yang di lakukan itu juga pengkaji telah menyentuh yang berkaitan dengan individualistik masyarakat urban yang tinggal di Jakarta terutamanya msyarakat yang tinggal di Kawasan perumahan elit dan *apartment*. Oleh hal yang demikian, mereka kurang peka akan keadaan sekeliling, mereka tidak pernah mengambil tahu keadaan sekeliling masyarakat yang hidup di kelas menengah,

golongan masyarakat urban ini hanya memberikan fokus kepada kerja mereka sahaja. Hal ini menjadi salah satu punca masalah besar yang di hadapi dalam kalangan masyarakat urban.

Malaysia mahupun Indonesia semuanya pasti akan mengenali sebuah filem yang telah menggemparkan dua buah negara ini yang mengkritik dengan keras tentang Pendidikan. Filem laskar pelangi yang telah menggemparkan Malaysia dan Indonesia dengan cara jalan penceritaan jalan ceritanya yang sangat luar biasa. Namun filem ini tidak terlepas daripada kritikan para pengkaji. Nanang Martono (2010), telah memberi melalui apa yang di tonjolkan di dalam filem laskar pelangi beliau mengkritik keras tentang amalan Pendidikan yang ada di negara Indonesia. Nanang menyatakan novel "Laskar Pelangi" mempunyai keunikan yang tersendiri di mana dalam novel ini di hasilkan sebenarnya mengambil pendekatan untuk mengkritik sistem Pendidikan di Indonesia. Menurut nanang penulis novel ini mempunyai hasrat besar untuk mengubah corak Pendidikan yang sedia ada di Indonesia. Pengkaji telah menyifatkan antara sebab berlakunya kelemahan di dalam sistem Pendidikan di Indonesia di sebabkan mereka memberi keistimewaan terhadap golongan atasan dari segi aspek fasiliti sekolah yang sangat eksklusif terhadap golongan atasan. Hal ini akan memberi kesan yang mendalam kepada golongan bawahan di mana mereka menghadapi masalah kekurangan dana bagi melancarkan proses pengurusan sekolah. Pengkaji menyatakan bahawa sistem Pendidikan Indonesia meminggirkan Pendidikan nilai murni dan moral sebagai seorang manusia, sistem Pendidikan Indonesia yang lebih mementingkan Pendidikan sains yang menyebabkan berlakunya masalah di mana mereka membezakan-bezakan di dalam kalangan anak-anak yang mana ada dua puak iaitu "anak pintar" dan "anak kurang pintar".

Setelah berbicara tentang ruang lingkup di dalam industri filem Malaysia. Dalam filem-filem yang di hasilkan oleh Malaysia juga tidak kurangnya di kritik malah di keji. Dalam industri perfileman Malaysia antara pengarah yang sentiasa di sengani yang

banyak menghasilkan filem memberi kritikan yang mendalam terhadap masyarakat ialah Mamat Khalid. Dalam satu kajian yang di lakukan oleh Al-fatimah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim (2014), telah mengeluarkan beberapa kritikan sosial terhadap filem zombo kampung pisang di mana dalam filem ini menunjukkan kelunturan semangat patriotik, gejala mat rempit, gejala vandalisme serta golongan asing dengan mudah menjajah golongan masyarakat melayu. Para pengkaji menyifatkan bahawa Mamat Khalid pintar dalam memberi kritikan dalam filem beliau. Beliau menggunakan elemen jenaka bagi menyampaikan ideologi beliau supaya masyarakat dapat menerima kritikan yang hendak di sampaikan di dalam sesebuah filem. Namun begitu dengan cara ini mampu memberi kesan terhadap masyarakat kerana dalam kandungan filem ini yang sarat dengan penyampian mesej dan nilai moral yang ingin di sampaikan di dalam filem tersebut. Setiap filem yang di hasilkan oleh Mamat Khalid bukan sahaja yang mempunyai jenaka yang sia-sia, namun Mamat Khalid mempunyai kehebatan dalam menyembunyikan setiap kritikan sosial di dalam babak-babak yang diperhalusi.

Dr. Anuar Arai merupakan salah seorang antara pengkritik filem yang di kenali dalam kalangan pengkritik filem di Malaysia. Pada tahun 2007 Dr. Anuar Arai telah merbitkan buku hasil karangan beliau yang di penuhi dengan kumpulan esei kritikan terhadap filem. Beliau menghasilkan buku ini dengan berlandaskan bahasa filem dan menggunakan disiplin teori sebelum melakukan kritikan beliau melakukan analisis yang rapi. Terdapat beberapa buah filem yang telah di kaji oleh beliau namun pengkaji hanya memilih seorang penarah sahaja yang merupakan seorang legenda di dalam industri perfileman di Malaysia dan seorang pengarah yang mempunyai idea yang begitu bijak untuk di jadikan sebuah filem iaitu Tan Sri P. Ramlee. Beliau telah mengkritik dari segi aspek sinematografi, kemasyarakatan dan kepengarahan filem semerah padi, ibu mertuaku dan antara darjat. Di dalam filem semerah padi telah jelas terpancar kritikan dari segi dari segi aspek kemasyarakatan. Filem semerah padi antara filem yang telah mengetengahkan tatacara yang lebih tersusun masyarakat Melayu. Filem semerah padi

ini telah di definisikan sebagai sebuah filem “Orang Melayu” oleh kerana kehidupan budaya yang di sentuh sangat halus. Aspek yang seterusnya merupakan aspek sinematografi, beliau berpendapat bahawa Tan Sri P.Ramlee telah terpengaruh dengan jepun di mana beliau telah mengambil idea daripada pengarah jepun yang terkenal iaitu Akira Kurosawa dari segi teknik penata visual. Manakala dari segi kepengarahan pula, beliau menyifatkan bahawa Tan Sri P.Ramlee merupakan salah seorang pengarah yang mempunyai ketegasan yang sering bekerja keras dalam menghasilkan sebuah filem. Hal ini kerana, setiap filem yang di hasilkan dengan ikhlas daripada hati, kerana beliau mempunyai prinsip yang kuat iaitu kecintaan seseorang terhadap sesuatu yang akan menghasilkan sesuatu yang luar biasa.

Kajian yang seterusnya di lakukan adalah daripada Ngo Sheau Shi & Harith Baharudin dari segi paparan kepelbagaian budaya dan agama di dalam filem muallaf yang merupakan sebuah filem arahan Yasmin Ahmad (2015). Pada sekitar tahun 2008 filem Muallaf ini telah menyebabkan berlakunya kontroversi hal ini menyebabkan filem ini tidak dapat ditayangkan kerana telah di halang oleh Lembaga Penapisan Filem untuk ditayangkan. Pengkaji telah menyentuh tentang *mise-en-scene* yang telah diaplikasikan oleh pengarah di dalam filem ini kemudiannya pengkaji telah mengaitkan antara babak dan kritikan sosial. Secara keseluruhannya, filem muallaf ini merupakan sebuah filem yang ingin di sampaikan oleh pengarah, di mana filem ini banyak memaparkan huajahan yang berkaitan dengan agama islam dari segi perspektif yang berbeza. Dalam filem ini pengarah telah mengetengahkan tentang isu agama islam yang lebih terbuka kepada masyarakat, pengarah lebih menggunakan bahasa yang simentik secara ringkas dan secara minimalis supaya dapat di fahami oleh masyarakat. Selain itu, di dalam filem ini pengarah juga telah melakukan sesuatu yang baru di mana ianya memaparkan tentang sifat kasih sayang yang mampu menyatukan masyarakat yang tidak mengira perbezaan agama.

Fadli Al Akiti merupakan seorang pengkritik filem muda yang juga tidak ketinggalan untuk melakukan kritikan juga terhadap filem arahan Yasmin Ahmad iaitu Rabun dan Sepet untuk di hasilkan di dalam bukunya Tonton Filem (2013). Filem rabun yang di hasilkan oleh Yasmin Ahmad ini di sifatkan sebuah “*Filem Yasmin Yang Tidak Pernah Rabun*”. Fadli Al-Akiti menyifatkan bahawa filem ini telah berjaya membawa beliau terkeluar daripada kelompok “rabun” di sebabkan itu beliau telah terpanggil untuk membahas filem tersebut. Di dalam filem ini juga Yasmin Ahmad berjaya memaparkan isu politik semasa yang digarap dengan kelembutan, filem ini juga di sifatkan sebagai satu sentuhan “humanisme”.

Fadli Al-Akiti telah membuka hujahnya terhadap filem sepet. Filem sepet sekali lagi memberi tanda aras kepada beliau seperti filem rabun iaitu “Sepet: merupakan sebuah filem cinta yang luar biasa”. Selepas menonton filem ini penonton akan menyifatkan bahawa Yasmin Hamid ini sebagai seorang yang mempunyai jiwa yang “Romantis”. Justeru itu, Yasmin Ahmad telah mengatakan supaya mengenalkan kita bahawa “cinta tidak perlu dikenali, kita akan terasa kewujudannya seperti kecintaan kita kepada tuhan yang esa”. Filem ini sedikit sebanyak telah membawa ideologi filem iran yang pada permulaan file mini terdapat frasa kata Bismillahirrahmannirahim “*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi maha mengasihani*”, Yasmin Ahmad ingin menyampaikan filem ini dengan cara penonton menonton secara *spiritual* hal kerana menonton filem yang berunsur ke agamaan ini merupakan satu ibadah. Yasmin Ahmad juga mengajak supaya masyarakat Melayu membuang pandangan steroip terhadap bangsa-bangsa lain malah beliau lebih mengajak supaya masyarakat melayu menyemaikan sifat kasih sayang dan cinta akan bangsa-bangsa lain.


2.9 Kesimpulan

Hasil daripada tinjauan kajian yang lepas di dapati bahawa kritikan sosial dalam filem *Man Laksa* banyak memberi kesedaran kepada penonton bahawa pentingnya sikap kemasyarakatan di dalam kehidupan harian. Dalam hal ini, masyarakat kurang


mendapat kesedaran tentang masalah yang di hadapi sekeliling mereka. Dengan wujudnya industri perfileman di Malaysia masalah masyarakat dapat di kritik melalui filem, secara langsung atau secara tidak langsung masalah masyarakat ini dapat di bendung.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

bab ini pengkaji lebih menfokuskan kepada penerangan. Pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci yang berkaitan dengan metodologi yang telah digunakan di dalam kajian yang di jalankan. Metodologi terhadap kajian ini merupakan salah satu cara ataupun kaedah yang paling berkesan yang digunakan oleh seseorang pengkaji supaya dapat mencapai sesuatu objektif kajian secara sistematik. Secara tidak langsung, penggunaan metodologi dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan hasil dapatan kajian dengan lebih jelas dan terperinci berkenaan kaedah yang digunakan dengan menghuraikan satu persatu proses-proses yang telah di gunakan. Selain itu, pengkaji juga melakukan beberapa rangka kajian untuk mendapatkan maklumat yang didapati dengan cara kaedah yang betul dan dari sumber yang boleh dipercayai untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Di samping itu, terdapat juga bahagian rekabentuk kajian, persempelan serta proses menganalisis data yang digunakan untuk menyelesaikan kajian ini.

Dalam penyelidikan ini, metodologi merupakan salah satu cara atau satu kaedah yang boleh digunakan oleh seorang pengkaji untuk mencapai objektif kajian dengan secara lebih sistematik. Penggunaan metodologi secara tidak langsung dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan hasil dapatan kajian dengan lebih jelas yang berkaitan kaedah yang digunakan bagi menghuraikan proses-proses kajian tersebut. Selain daripada itu, pengkaji telah merangka beberapa cara kajian agar segala maklumat yang diperoleh dengan kaedah yang betul dan sumber yang tepat dan boleh dipercayai.

Di samping itu, di dalam reka bentuk kajian, persempelan serta proses untuk menganalisis data yang digunakan dalam kajian ini. Tujuan utama metodologi ini dilakukan adalah supaya dapat memberi penjelasan dengan lebih terperinci dengan segala kaedah yang telah digunakan dalam proses penghasilan kajian ini dan

mempunyai huraian yang jelas dan tepat supaya kajian yang di lakukan ini mempunyai sumber yang asli yang boleh memberikan maklumat yang tepat.

Teori dekonstruksi diperkenalkan oleh Jacques Derrida (Rolfe, 2004) untuk linguistik dan kerana Johan Setiawan dan Ajat Sudrajat (Setiawan, 2018) penafsiran juga dapat memperoleh makna baru. Menurut Marcelus Ungkang (Ungkang, 2013) dan Abd. Ghofur (Ghofur, 2015), dekonstruksi dapat diterapkan pada teks untuk mendapatkan makna yang berbeza dengan membaca teks secara terperinci melalui pemahaman tentang penulisan dan pembacaan. Berdasarkan teori Dekonstruksi Derrida (Rolfe, 2004), ia telah mencipta teori kekuatan dan pengetahuan baru (Kuasa / pengetahuan) oleh Michel Foucault (Power, 2011). Berdasarkan konsep Michel Foucault (Power, 2011), kekuatan dan pengetahuan (power / knowledge) adalah kemampuan individu, kumpulan atau kumpulan orang untuk menguasai masyarakat melalui pengetahuan yang tersebar dalam pelbagai cara mengikut pemikiran mereka (Antomo, 2013).

3.1 Kaedah Kualitatif

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian yang di lakukan. Borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mengumpul data kajian. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling mudah dan tidak mengambil masa yang lama. Setiap soalan yang di hasilkan mengikut objek kajian dan persoalan kajian. Kajian ini menggunakan bahasa melayu hal ini dapat memudahkan responden memahami soalan yang hendak di ajukan. Dalam kajian ini satu set analisis soalan telah di hasilkan. Soalan soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian yang pertama mengenai latar belakang responden anantara soalan yang terkandung ialah jantina, umur, bangsa dan laian-lain. Manakala dalam bahagian dua pula mengenai penerima penonton terhadap kualiti.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen merupakan salah cara yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini. Dalam kajian yang di lakukan ini instrumen yang digunakan berbentuk soal selidik menjadikan satu alat pengukur supaya kesemua data dapat di kumpulkan untuk dimasukkan ke dalam kajian. Melalui kaedah soal selidik ini dapat memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Hal ini kerana responden mampu memberi kerjasama yang baik kerana melalui soal selidik responden tidak menggunakan masa yang banyak untuk menjawab borang soal selidik. Instrumen yang berbentuk borang soal selidik ini juga merupakan cara yang paling berkesan untuk mengumpul semua data maklumat responden. Hal ini kerana, di dalam setiap borang yang telah di agihkan kepada responden telah mempunyai item-item yang bersesuaian dan dapat memudahkan responden memahami soal yang di ajukan kepada responden. Borang soal selidik ini juga merupakan satu alat kajian yang senang untuk di urus, senang untuk diedarkan dan mudah untuk mendapatkan data yang tepat.

3.2.1 Pemerhatian

Dalam kaedah pemerhatian mempunyai dua bahagian iaitu menerusi pemerhatian secara terus (Direct Observation) dan pemerhatian melalui penglibatan (Participant-Observation) kaedah yang tidak melibatkan komunikasi dengan manusia. Pemerhatian secara langsung merupakan pemerhatian sekilas alalu tentang gambaran dan populasi. Dengan menggunakan kaedah ini pengkaji memerlukan penglibatan dengan masyarakat supaya dapat merasai pengalaman kajian yang berkaitan dengan masyarakat.

Justeru itu, pengkaji perlu melakukan racangan yang tersusun supaya segala maklumat yang diinginkan dapat di perolehi untuk menyokong focus utama kajian.

3.2.2 Kaedah Perpustakaan

Dalam kajian ini pengkaji juga telah menggunakan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang lebih banyak maklumat. Melalui kaedah kajian perpustakaan, membolehkan pengkaji melakukan rujukan yang ilmiah mengenai filem, kritikan sosial dan lain-lain lagi. Adanya bahan-bahan rujukan seperti buku, kajian lepas, jurnal dan ensiklopedia dapat memberi maklumat yang tepat kepada pengkaji.

3.2.3 Sumber Internet

Dalam kehidupan masyarakat masa kini internet menjadi sumber kedua yang paling penting untuk mengetahui sesuatu maklumat. Dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji telah menggunakan internet untuk mencari bahan-bahan yang berkaitan kritikan sosial di dalam filem yang di kaji, dengan adanya sumber internet ini telah menjadi satu pengumpulan maklumat untuk pengkaji.

3.2.4 Borang Soal Selidik

Pengkaji menggunakan borang soal selidik ini berdasarkan kaedah kuantitatif yang digunakan. Soalan ini menfokuskan kepada pelajar dan golongan sasaran bagi menjawab setiap set soalan yang di berikan mengikut pandangan masing-masing soalan ini di ajukan secara atas talian. Dengan pembahagian soalan ini dapat mengumpul segala maklumat daripada responden mengenai objektif kajian utama berdasarkan kajian kes. Oleh itu, borang soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada responden untuk mengetahui sejauh mana pengetahuan serta kefahaman terhadap kritikan sosial yang terdapat di dalam filem Man Laksa (2016). Secara tidak langsung pengkaji dapat menilai sejauh manakah penonton memahami jalan cerita tersebut. Setiap jawapan yang di peroleh daripada penonton akan dimasukkan ke dalam 'form' untuk dijadikan sebagai maklumat. Oleh itu, setiap maklumat akan di proses dan akan di analisis dengan keputusan yang diberikan dengan tepat.

BAB 4

HASIL KAJIAN

4.0 PENGENALAN


Bab 4 ini akan membincangkan tentang hasil kajian daripada analisis berdasarkan keputusan yang telah di buat melalui soal selidik yang di edarkan kepada responden untuk mendapatkan keputusan yang tepat untuk di jadikan bahan kajian. Di dalam kajian yang di lakukan ini pengkaji telah menggunakan satu kaedah kajian yang berteraskan kepada responden iaitu melalui kaedah kuantitatif berdasarkan beberapa faktor penting terumanya untuk mengetahui sejauh manakah kritikan sosial yang terdapat di dalam filem Man Laksa memberi kesan kepada masyarakat di dalam negara kita. Dalam kaedah kuantitatif ini hasil yang di tunjukkan dalam bentuk peratus. Dapatan analisis hasil daripada borang soal selidik yang di hasilakna akan menampakkan adakah filem yang di hasilkan mempunyai unsur kritikan sosial yang rapat dengan masyarakat ataupun sebaliknya. Pengkaji telah menketogorikan hasil analisis kajian ini kepada tiga bahagian di mana bahagian pertama mengenai latar belakang responden, di bahagian kedua pengkaji ingin mengetahui sejauhmanakah masyarakat tahu tentang kritikan sosial dan manakala di bahagian ke tiga kesan kritikan sosial di dalam filem kepada masyarakat.

4.1 KEPUTUSAN

Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada responden melalui telefon maka keputusan ini akan bergantung sepenuhnya kepada responden yang menilai. Keputusan yang di dapatkan daripada responden ini merupakan keputusan yang terakhir atas kajian kritikan sosial di dalam filem Man Laksa kepada masyarakat. Daripada kajian ini, maklum balas yang telah di terima daripada responden


sejauhmanakah masyarakat mengetahui tentang filem kritian sosial dan kesan kritikan sosial di dalam filem kepada masyarakat.

4.1.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden




Rajah 1 : Carta responden bagi jantina

Hasil kajian melalui borang soal selidik ini, majoriti yang telah memberi maklumbalas dalam borang yang di edarkan secara atas talian terdiri daripada golongan lelaki berbanding golongan wanita. Hal ini dapat di nilai melalui peratusan yang terdapat di carta pai di mana golongan lelaki seramai 60.2% bersamaan 50 orang, manakala golongan wanita hanya 39.8% bersamaan 33 orang. Ini dapat di simpulkan bahawa golongan lelaki lebih memahami berkaitan dengan keritikan sosial di dalam filem berbanding dengan wanita.




Rajah 2 : Carta bagi umur responden

Daripada hasil kajian kes yang telah dijalankan melalui soalan reponden majoriti yang menjawab soalan respon ini tergolong dalam kalangan yang berumur 18-25 tahun di mana seramai 60 orang, bagi golongan yang berumur 26-30 tahun kurang mendapat sambutan di mana seramai 8 orang sahaja yang telah menjawab borang soal selidik yang di beri. Manakala seramai 12 orang yang telah berjaya menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan golongan ini terdiri daripada usia 31-39 tahun. Responden yang berumur juga telah jawab soalan ini seramai 5 orang golongan ini terdiri daripada umur 40 ke atas.



Rajah 3 : Carta pai merujuk pada bangsa


Berdasarkan carta pai ini pengkaji telah membuat pemerhatian melalui borang soal selidik terhadap bangsa di mana seramai 85 orang telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Di mana seramai 76 orang bangsa melayu bersamaan 89.4% telah berjaya menjawab soal selidik ini. Manakala seramai 7 orang bangsa india bersamaan 8.2% yang telah berjaya menjawab kesemua soalan yang telah di berikan. Manakala bagi kaum cina dan iban hanya 1 orang bersamaan 1.2%.



Rajah 4 : Carta responden bagi negeri


Berdasarkan pada pemerhatian melalui kajian yang telah di jalankan yang dijalankan seramai 85 orang responden yang datang daripada pelbagai negeri yang telah menjawab semua borang soal selidik. Responden daripada kelantan terdapat seramai 58 orang bersamaan 68.2%, Daripada terengganu seramai 6 orang bersamaan 7.1%, daripada johor seramai 5 orang bersamaan 5.9%. Manakala daripada kedah, pahang dan perak ke tiga negeri ini telah mencatat seramai 3 orang yang memberi maklumbalas bersamaan 3.5%, di mana sabah dan melaka seramai 1 orang sahaja yang meberi maklumbalas di mana bersamaan dengan 1.2% dan daripada lain-lain negeri seramai 5 orang bersamaan 5.9%.

4.1.2 Bahagian A : Sejauhmanakah masyarakat mengetahui kritikan sosial




Rajah 5 : Carta ini merujuk kepada soalan 1 bahagian A

Hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden merujuk kepada soalan bahagian A telah menunjukkan seramai 85 responden yang telah memberi maklumbalas kepada soalan yang diedarkan. Carta pai telah menunjukkan lebih ramai responden yang menjawab dengan jawapan (Ya) berbanding pada jawapan (Tidak). Keputusan seramai 66 orang yang telah menjawab (Ya) di mana bersamaan dengan 77.6%. Merujuk kepada soalan ini terdiri daripada sejauhmanakah masyarakat mengetahui kritikan sosial.



Rajah 6 : Carta ini merujuk kepada soalan 2 bahagian A

Merujuk kepada carta pai pada soalan nombor pada bahagian A telah menunjukkan peratusan bagi jawapan (Ya) lebih tinggi berbanding pada jawapan (Tidak). Menurut kepada kajian yang telah dijalankan mendapati seramai 85.9% yang telah memberi respon iaitu bersamaan dengan 73 orang dan 12 orang yang memilih jawapan tidak bersamaan dengan 14.1% dengan soalan yang diedarkan.



Rajah 7 : Carta ini merujuk kepada soalan 3 bahagian A


Carta pai ini merujuk kepada kajian pada soalan 3 pada bahagian A yang mempunyai hubunga kait dengan sejauhmanakah pengetahuan masyarakat terhadap kritikan sosial di dalam filem. Hasil daripada keputusan bagi soalan ini didapati bahawa lebih ramai responden yang memilih (Ya) berbanding (tidak) hal ini dapat di lihat pada carta pai di mana terdapat 79 orang bersamaan 92.9% yang telah memilih (Ya) manakala bagi golongan yang memilih (Tidak) hanya 6 orang dimana bersamaan 7.1%. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat lebih memahami berkaitan dengan kritikan sosial di dalam filem.



Rajah 8 : Carta ini merujuk kepada soalan 4 bahagian A

Kajian ini merujuk kepada soalan 4 pada bahagian A yang berkaitan dengan soalan adakah kritikan sosial mampu menyatupadukan masyarakat. Daripada hasil keputusan bagi soalan ini seramai 85 orang responden telah memberi maklumbalas terhadap borang soal selidik. Di mana seramai 73 orang telah memilih (Ya) yang bersamaan 85.9% manakala seramai 12 orang yang telah memilih (Tidak) bersamaan dengan 14.1%. Oleh itu, berdasarkan dengan data yang di perolehi daripada responden ini menunjukkan di mana kritikan sosial ini dapat menyatupadukan masyarakat.

4.1.3 BAHAGIAN B : KESAN KRITIKAN DI DALAM FILEM KEPADA MASYARAKAT




Rajah 9 : Carta ini merujuk kepada soalan 1 bahagian B

Kajian ini merujuk kepada soalan 1 bahagian B di mana soalan yang diajukan adakah filem man llaksa memberikan kesedaran kepada penonton tentang pentingnya kritikan sosial. Hasil daripada jawapan daripada responden berkaitan dengan soalan ini terdapat seramai 85 orang yang telah berjaya menjawab soalan tersebut di mana seramai 77 orang responden yang telah memilih (Ya) bersamaan seramai 90.6% lebih responden lagi memilih (Tidak) di mana seramai 8 orang bersamaan dengan 9.4%




Rajah 10 : Carta ini merujuk kepada soalan 2 bahagian B

Di dalam carta pai ini telah menunjuk seramai 85 orang responden yang telah menjawab soalan berkaitan dengan penyampaian kritikan sosial dalam filem man laksa dan mudah di faham. Dalam carta ini lebih ramai yang bersetuju dengan sosaln yang di ajukan dimana seramai 73 orang yang telah memilih (ya) dan hanya 12 orang sahaja yang telah memilih (Tidak). Hal ini dapat menunjukkan bahawa masyarakat dapat memahami dengan lebih mudah kritikan sosial yang ingin di sampaikan di dalam filem man laksa.



Rajah 11 : Carta ini merujuk kepada soalan 3 bahagian B

Merujuk kepada carta pai daripada soalan yang berkaitan keruntuhan moral masyarakat merupakan salah satu kritikan sosial yang terdapat di dalam filem man laksa. Di mana seramai 85 orang responden telah memberi maklumbalas terdapat seramai 70 orang yang telah memilih (Ya) dan hanya 6 orang memilih (Tidak) . Ini dapat menunjukkan bahawa responden bersetuju di mana keruntuhan moral ini merupakan salah satu kritikan sosial.



Rajah 12 : Carta pai ini menunjukkan pada soalan 4 bahagian B


Merujuk kepada kajian di atas data yang diperolehi di mana responden yang telah menjawab (Ya) seramai 77 orang manakala yang memilih tidak seramai 7 orang. Hal ini sekali lagi menunjukkan masyarakat bersetuju dengan soalan yang diedarkan di mana filem man laksa ini merupakan cerminan kepada masyarakat kita.

MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 13 : Carta ini merujuk kepada soalan 5 bahagian B

Merujuk kepada carta di atas yang berkaitan dengan soalan kritikan sosial merupakan penilaian terhadap masyarakat pada satu-satu masa. Di dalam soalan ini masyarakat lebih setuju dengan soalan berbanding ada yang tidak setuju. Hal ini dapat dilihat melalui hasil daripada soal yang diedarkan kepada responden dimana seramai 75 orang responden yang telah memilih (Ya) dan hanya 10 orang responden yang memilih (Tidak).



Rajah 13 : Carta ini menunjukkan pada soalan 6 bahagian B

Kajian ini merujuk kepada soalan 6 di mana soalan ni berkaitan adakah penonton sedar bahawa kritikan sosial dalam filem man laksya mempunyai hubungkait dalam

kalangan masyarakat. Melalui data yang di terima menunjukkan bahawa responden sedar bahawa kritikan filem dalam filem man laksa ini mempunyai hubungkait dengan masyarakat. Hal ini dapat di lihat daripada peratusan responden di mana seramai 74 orang yang telah memilih jawapan (Ya) manakala hanya seramai 11 orang responden yang memilih (Tidak).



Rajah 14 : Carta ini merujuk pada soalan 7 bahagian B

Hasil daripada keputusan soalan 7 ini telah menunjukkan di mana lebih ramai responden yang memilih (Ya) berbanding dengan responden yang memilih (Tidak) hal ini dapat di lihat dari segi peratusan di mana peratusan orang yang memilih (Ya) seramai 75 orang berbanding dengan yang memilih (Tidak) hanya 10 orang sahaja. Ini bermakna filem man laksa ini menyampaikan jalan cerita yang betul di mana mempunyai hubungkait dengan masalah sosial masyarakat.



Rajah 15 : Carta ini merujuk kepada soalan 8 bahagian B

Hasil daripada soal selidik yang dijalankan ini seramai 84 orang yang telah menjawab soalan yang diedarkan di mana ramai responden yang lebih memilih (Ya) berbanding (Tidak) berkaitan dengan soalan pengkaji adakah filem man laksa ini mempunyai maksud yang tersirat. Hal ini dapat dilihat pada data yang diterima di mana seramai 74 orang yang telah memilih jawapan (Ya) dan hanya 10 orang yang telah memilih jawapan (Tidak). Data ini menunjukkan bahawa responden memahami apa yang hendak disampaikan kepada penonton di dalam filem man laksa ini.



Rajah 16 : Carta bar ini merujuk kepada soalan 9 bahagian B

Pada gambar rajah di atas. Pelbagai jawapan responden berikan kepada pengkaji. Disini menunjukkan bahawa responden juga sedar bahawa filem man laksa mampu memberi kesedaran kepada masyarakat kita. Filem man laksa ini banyak memberi kritikan sosial yang sering berlaku di dalam kalangan masyarakat kita. Kritikan yang diberi bukan sahaja terkena tempas masyarakat kita pada zaman dahulu malah ianya mampu memberi tamparan hebat kepada masyarakat pada zaman ini. Sebagai contoh antara jawapan yang diberi oleh responden kerana filem man laksa ini sangat rapat dengan masyarakat.





Rajah 17 : Carta merujuk pada soalan 10 bahagian B

Keputusan bagi soalan soal selidik yang terakhir di bahagian B menunjukkan responden yang memilih (Ya) lebih ramai berbanding memilih (Tidak). Keputusan ini dapat dilihat melalui carta yang ada di mana sebanyak 79 orang yang telah memilih (Ya) manakala bagai yang memilih (Tidak) seramai 5 orang sahaja. Ini dapat disimpulkan bahawa filem man laksa dapat memberi satu kesedaran kepada masyarakat terhadap sosial yang mereka amalkan sekarang ini.

4.1.4 KESIMPULAN

Analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji setelah membuat pemerhatian terhadap keputusan yang telah di perolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada 85 orang responden melalui atas talian. Daripada analisis yang di jalankan telah membuktikan bahawa kritikan sosial di dalam filem man laksa yang di dihasilkan oleh mamat khalid telah berjaya memberi kesan kepada penonton. Dimana responden yang terdiri daripada 50 orang golongan lelaki dan 33 orang golongan wanita ini telah memberi maklumat yang tepat dan dapat memudahkan pengkaji untuk membuat analisis melalui data responden.

Filem man laksa arahan mamat khalid ini telah memberi satu tamparan yang hebat buat masyarakat dimana filem ini mempunyai unsur kritikan sosial yang sangat


mendalam. Malah filem ini juga mempunyai maksud yang tersirat yang berbentuk sindiran terhadap pihak yang mempunyai pangkat di sesuatu tempat. Filem ini mampu menyedarkan rakyat betapa pentingnya kritikan sosial di dalam filem.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 5

5.0 KESIMPULAN

Di dalam bab ini pengkaji akan membuat kesimpulan yang lebih menyeluruh berkaitan dengan hasil kajian yang telah di lakukan dengan melihat daripada objektif kajian. Malah kajian ini juga akan di sertakan beberapa cadangan di mana supaya cadangan ini dapat memberi sedikit ilmu dan memabantu para pembikin filem untuk menghasilkan filem yang berbentuk kritikan sosial ini. Walaupun di dalam malaysia alaf baru kini kurang filem yang berbentuk kritikan sosial pengkaji mengaharap sesuatu yang lebih impak di hasilakan oleh para pembikin filem ini.

Pengkaji memahami apa yang di hadapi oleh para pembikin filem untuk menghasilkan filem yang berbentuk kritikan sosial ini. Hal ini kerana sekiranya para pembikin menghasilkan filem yang mengkritik secara lantang pihak atasan, sudah pasti filem yang di hasilkan tidak dapat di tayangkan di dalam Malaysia. Ini merupakan masalah yang paling besar para pembikin perlu hadapi. Terlalu banyak undang-undang di dalam malaysia walaupun filem yang di hasilkan oleh seseorang pembikin filem itu mempunyai kebenaran yang tepat. Sebagai contoh yang boleh di ambil ialah sebuah filem yang telah di hasilkan oleh seorang pelakon dan pengarah yang mempunyai identiti yang tersendiri iaitu Nam Rom di mana beliau telah menghasilkan sebuah filem yang bertajuk One Two Jaga di mana filem ini mengkritik dengan hebat sekali masalah rasuah yang berlaku di dalam badan kerajaan akhirnya filem ini tidak mampu di tayangkan di panggung wayang di malaysia malah mendapat kecaman yang hebat dari pelbagai pihak.

5.1 CADANGAN

Para pembikin filem seharusnya menambah denagn lebih baik lagi setiap filem yang di hasilkan supaya setiap filem yang mempunyai kritikan sosial yang mudah untuk di faham. Hal ini kerana, pengkaji lebih melihat setiap penyampaian itu di lebih kepada berbentuk maksud yang tersirat, para pembikin filem seharusnya memahami bahawa

tidak semua lapisan yang akan dapat memahami apa isi yang ingin di sampaikan, ada yang mentafsir dengan maksud yang di mana penonton ini semua dari pelbagai umur, jadi pembikin filem hendaklah mengambil serius setiap kritikan yang di sampaikan supaya semua golongan dapat memahami dengan lebih mudah dan mengambil iktibar daripada jalan cerita yang di hasilkan dari segi kritikan sosial.

Dalam hal ini juga, semua pihak harus mengambil tanggungjawab di mana pihak Kerajaan dan FINAS hendaklah memandang dengan lebih serius hal yang berkaitan dengan penghasilan filem yang mempunyai kritikan filem yang dekat dengan masyarakat ini. Selama ini, golongan pembikinan filem ini di beri tentangan hebat oleh orang atasan dalam usaha mereka menghasilkan filem yang mempunyai kritikan sosial ini supaya dalam masa yang sama dapat menyedarkan masyarakat bahawa di dalam negara kita kini banyak mempunyai unsur sosial yang tidak baik dan harus di tangani oleh semua pihak termasuklah masyarakat kita. Ini dapat mengubah dan membuka mata semua pihak sekiranya berlaku sesuatu ketirisan di dalam sesebuah institusi dan dapat menambahbaik apa yang telah terkurang. Tidak kira apa bangsa Melayu, Cina dan India harus memainkan peranan penting supaya setiap jalan cerita yang ingin di sampaikan hendaklah meninggalkan kesan yang lebih mendalam kepada masyarakat.

**SOALAN SOAL SELIDIK KESAN KRITIKAN DI DALAM FILEM KEPADA
MASYARAKAT**

NO	SOALAN TEMUBUAL	JAWAPAN
	Bahagian A : Pengetahuan Tentang Kritikan Sosial	YA/TIDAK
1.	Adakah anda mempunyai pengetahuan tentang kritikan sosial.	
2.	Adakah anda pernah menonton filem yang mempunyai unsur kritikan sosial.	
3.	Adakah kritikan sosial penting dalam kehidupan masyarakat	
4.	Adakah kritikan sosial mampu menyatupadukan masyarakat.	
	Bahagian B : Kesan Kritikan Sosial Kepada Masyarakat	
1.	Adakah filem MAN LAKSA memberikan kesedaran kepada penonton tentang pentingnya kritikan sosial.	
2.	Penyampaian kritikan sosial dalam filem Man Laksa sangat jelas dan mudah difaham.	
3.	Keruntuhan moral masyarakat merupakan salah satu kritikan sosial yang terdapat dalam filem Man Laksa.	
4.	Kritikan sosial yang di paparkan dalam filem Man Laksa merupakan cerminan	
5.	Kritikan sosial merupakan penilaian terhadap masyarakat pada satu-satu masa.	
6.	Adakah penonton sedar bahawa kritikan sosial dalam filem Man Laksa mempunyai hubungkait dalam kalangan masyarakat.	

7.	Melalui filem Man Laksa mampukah menyedari bahawa dalam kalangan masyarakat mempunyai masalah sosial seperti yang di pertontonkan dalam filem Man Laksa.	
8.	Dalam filem Man Laksa mempunyai maksud yang tersirat untuk menjentik hati	
9.	Kritikan sosial di dalam filem Man Laksa mempunyai kesedaran yang sangat rapat dalam kalangan masyarakat kita.	JAWAPAN PENDEK
10.	Mampukah filem Man Laksa ini memberi satu kesedaran di dalam kalangan masyarakat kita terhadap sosial yang mereka amalkan di dalam filem tersebut.	

6.0 Rujukan

1. Abd. Aziz Itar (5 Mei 2008). Apakah itu filem Malaysia. Utusan Malaysia
2. Abd. Aziz Itar (24 April 2013). Filem Mamat Khalid Sarat Wadah Budaya. Utusan Malaysia
3. Aida Rizmariza Kamaruddin (19 Februari 2012). Realiti Sosial Diabi. Utusan Malaysia
4. Ali Haji Ahmad (1986). Puisi Baharu Melayu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
5. Ali Ahmad (1994). *Pengantar Pengajian Kesusteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
6. Amir Abd Hamid (28 September 2012). Alat Permainan Rosak dan Berkarat. Harian Metro
7. Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2010). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd
8. Asiah Sarji (2003). Perfileman Dan Kesannya Terhadap Masyarakat: Ke Arah Pengekalan dan Penyuburan Nilai-Nilai Murni Masyarakat Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 19, m.s:1-21
9. Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung (1996). *Pola Pengalaman Profesionalisme Dalam Industri Filem Malaysia*. Ulu Kelang: FINAS
10. Aziz Dwi Prakoso (2011). Kritikan Sosial Dalam Novel Detik-Detik Cinta Menyetuh Karya Ali Shabab Sebuah Tinjauan Sosiologi Teks. *Jurnal Skripsi*, Vol. 2 No.
11. Didik Kurniawan (2012). Kritikan Sosial Terhadap Perang Dalam Lirik Lagu B.Y.O.B dan War? Karya system Of A Down. *Journal on English Language Culture And Literature*, Vol 1, No 2
12. Danial Zainal Abidin (2011). *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

13. Kassim Ahmad (1981). *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
14. Mohd Ghazali Abdullah (2009). Air Mata Wanita Melayu dalam Filem Melayu. *Jurnal Aswara*, Jil 4, bil. 1
15. Mohd Ghazali Abdullah (2008). Pemikiran Melayu dalam Filem Malaysia Abad Ke-21. *Jurnal Melayu*. Vol 3, ms. 179-218
16. Muhammad Haji Salleh (1995). Mentakrif Sastera Melayu. (S. Jaafar Husin). *Penelitian Sastera Metodologi dan Penerapan Teori*. Kuala Lumpur: Dewam Bahasa dan Pustaka
17. Naim Haji Ahmad (1995). *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian*. Serdang : Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
18. Siti Athirah Dzulkifly (19 Disember 2010). Tregedi di Kampung Pisang. Utusan Malaysia
19. Adham Shadan. (2009). Karya Daripada hati. Kosmo.
20. Al-fatimah Md Adnan & Normaliza Abd Rahim. (2014). Kritikan Sosial Filem Melayu Zombi Kampung pisang. *Journal of Business and social Development*. 2 (2), 62-73.
21. Asiah Sarji. (1996). *Pola pengalaman profesionalisme dalam industri filem Malaysia Kuala Lumpur: FINAS*
22. Fadli Al-Akiti.(2013). *Tonton Filem*. Kuala Lumpur: Neptune Press
23. Galuh Candra Wesea. (2015). *Kritikan Sosial Terhadap Perilaku Masyarakat Urban dalam filem "Jakarta Maghrib"*.(tesis sarjana yang tidak di terbitkan). Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
24. Harrington, J.(1977). *Film an as literature*. New Jersey: Prentice Hall.
25. Hassan Mutalib. (2013). *Malaysian cinema in a bottle*. Selangor: Merpati Jingga.
26. Hassan Ahmad. (2009. April 4). *Lidah terputus, bahasa dan bangsa pupus*. Dewan Bahasa, 9, 1-62.

27. Naim Ahmad. (1995). *Filem sebagai alat dan bahan kajian*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
28. Nanang Martono. (2010). *Kritikan sosial terhadap praktik Pendidikan dalam filem "laskar pelangi"*. Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan, 16(3), 340-350.
29. Arheim , R.(1957). *Film as art*. Los Angeles: University Of California Press
30. Hashim Awang. (2017). *Budaya & kebudayaan*. Kuala Lumpur: citra Budaya
31. Nik Safiah Karim. (1964). *Kajian Kebudayaan Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Dian.
32. Othman Talib. (2003), *Asas penulisan tesis penyelidikan & statistik*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
33. Shafezah Abdul Wahab, Siti Najah Raihan Sakrani & Mohd Adnan Hashim. (2015). *Pembikinan filem islam di Malaysia: perjalanan dakwah atau pelaburan komersial: 1st internasional Islamic heritage conference*. (pp 651-658). Melaka, Malaysia: Universiti Teknologi Mara.
34. Siti Fatimah Awang. (2016, Januari 30). *Memori zaman pawagam tiket 25 sen, nyamuk bukan halangan*. Sinar online.
35. Shazryn Mohd Faizal. (2009, Mac 12). *Taruhan terbaru Yasmin Ahmad, utusan malaysia*